

BORANG SEBUTHARGA

Kepada: Pengurusi
Jawatankuasa Sebutharga,
Jabatan Kehakiman Negara,
Jabatan Perdana Menteri,
Brunei Darussalam.

Tarikh: _____

Tuan,

Setelah meneliti Dokumen Sebutharga dengan ini menerima dengan sewajarnya, **KAMI** yang bertandatangan di bawah ini, **MENERIMA** tawaran "**CABINET REFURBISHMENT AND REPAIR WORKS FOR SYAR'IE APPEAL COURT JUDGE CHAMBER AT SUPREME COURT AND SYARIAH COURTS BUILDING, BANDAR SERI BEGAWAN.**" selaras dengan Lukisan, Spesifikasi dan Keperluan tersebut untuk jumlah

Ringgit Brunei: _____

(BND\$ _____)

Kami **BERSETUJU** untuk mematuhi Sebutharga ini untuk tempoh **Sembilan (9) Bulan** dari tarikh akhir penyerahan sebutharga dan ia akan tetap mengikat kami dan boleh diterima pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh tersebut.

Kami selanjutnya **BERSETUJU** untuk menyiapkan semua kerja yang dinyatakan oleh Sebutharga ini dalam masa **7 hari** dari tarikh pemilihan tapak atau penerimaan pesanan pembelian rasmi Kerajaan / surat inden.

Kami **FAHAM** bahawa anda tidak terikat untuk menerima Sebutharga terendah atau mana-mana Sebutharga yang mungkin anda terima.

Tarikh _____ 2025

Tandatangan : _____

Nama : _____

[Dalam Kapasiti Pemilik]

Diberi Kuasa Sewajarnya untuk menandatangani Sebutharga untuk dan bagi pihak

Nama Syarikat : _____

Cop Syarikat : _____

Alamat : _____

Saksi : _____

Tandatangan : _____

BILANGAN SEBUTHARGA: JKN/BPEA/SH/A/2025-2026(4)

SEBUTHARGA BAGI:

CABINET REFURBISHMENT AND REPAIR WORKS FOR SYAR'IE APPEAL COURT JUDGE CHAMBER AT SUPREME COURT AND SYARIAH COURTS BUILDING, BANDAR SERI BEGAWAN.

Syarat Dan Peraturan:

1. Sebut harga ini hanya dibukakan kepada syarikat-syarikat yang mempunyai **Sijil Pendaftaran Perniagaan yang Sah** di Negara Brunei Darussalam.
2. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebutharga yang termurah atau mana-mana sebutharga yang tidak berpatutan.
3. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berhak untuk membatalkan atau mengubah jumlah skop sebutharga yang dibukakan.
4. Sebutharga ini akan ditutup pada hari **Selasa, 1 July 2025 sebelum jam 2.00 Petang** dan mana-mana sebutharga yang dihadapkan lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan adalah dikira tidak sah.
5. Syarikat-Syarikat yang ikut serta dalam sebutharga ini hendaklah menyertakan bersama :-
 - A. **Salinan Pendaftaran Syarikat, Profil Syarikat dan Alamat Persuratan yang betul dan sah serta nombor talian talipon dan fax.**
 - B. **Salinan Pendaftaran Kontraktor – Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam (ABCI)**
 - C. **Salinan Sijil Pematuhan Akta Cukai (*Certificate Of Tax Compliance*) terkini yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi Syarikat Sendirian Berhad (Sdn Bhd).**
6. Syarikat yang ikut serta dalam sebutharga ini di kehendaki untuk mengisikan **Borang Pengakuan Integriti (Integrity Declaration Form)** yang menyatakan tiada ikatan dengan mana-mana Syarikat yang ikut serta dalam sebutharga ini.
7. Sebutharga bersama pecahannya yang dihadapkan oleh Syarikat-Syarikat berkenaan hendaklah dinyatakan dengan jelas dan teratur iaitu dalam kadar matawang **Ringgit Brunei (B\$)**.
8. Syarikat-syarikat yang ikut serta adalah terikat dengan jumlah nilai sebutharga bersama pecahannya (per item) yang telah dihadapkan dan nilai tersebut tidak boleh diubah oleh Syarikat berkenaan tanpa persuratan rasmi yang sah.
9. Syarikat-Syarikat adalah **diwajibkan** untuk menghadiri **sesi penerangan (*Information Session*)** bagi sebutharga berkenaan pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan oleh Jabatan ini bagi mendengar penerangan lanjut yang disampaikan oleh pihak Perkhidmatan Estet Dan Aset Jabatan Kehakiman Negara. **Kegagalan untuk menghadiri sesi penerangan akan menyebabkan pembatalan secara automatik bagi sebutharga yang akan dihadapkan.**
10. Syarikat yang telah dilantik dan diaturnya bagi melaksanakan kerja-kerja perkhidmatan sebutharga berkenaan adalah dengan serta merta terikat kontrak dengan pihak kerajaan selama tempoh kontrak perkhidmatan yang telah ditetapkan dan jika sekiranya Syarikat yang telah dilantik tidak berkesanggupan untuk meneruskan perkhidmatan kontrak selama tempoh yang diberikan dan hendak mengundur diri

atas sebab-sebab alasan yang tidak munasabah, maka Jabatan ini tidak teragak-agak untuk membuat teguran secara bertulis **senarai hitam (black list)** kepada Syarikat berkenaan atas kegagalan tidak mematuhi peraturan mahu pun piawaian yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

11. **Tempoh sahlaku** sebut harga yang perlu diberikan oleh Syarikat-syarikat yang ikut ialah tidak kurang dari **9 Bulan**.
12. Skop kerja pembaikan yang telah dicadangkan dan telah diatur tempat-tempat sebutarganya oleh pihak Syarikat-Syarikat hendaklah menepati skop dan spesifikasi yang telah ditetapkan dalam sebutarga dan mana-mana alternatif dan perubahan pada spesifikasi yang dicadangkan oleh Syarikat-Syarikat hendaklah dinyatakan dengan jelas dan teratur di dalam sebutarga yang dihadapkan.
13. Alat-alat barang yang dicadangkan yang dibekalkan oleh syarikat-syarikat berkenaan hendaklah sekurang-kurangnya menepati skop dan spesifikasi yang telah ditetapkan dalam sebutarga dan mana-mana alternatif dan perubahan pada spesifikasi yang dicadangkan oleh syarikat-syarikat hendaklah dinyatakan dengan jelas dan teratur didalam sebutarga yang dihadapkan.
14. Syarikat yang berjaya adalah bertanggungjawab melaksanakan ke semua skopkerja Pemeliharaan dan pembaikan dalam tempoh **tidak lebih dari 7 hari** iaitu dari tarikh surat lantikan atau pesanan pembelian (**purchase order**) yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan.
15. Bagi menjamin perlaksanaan kerja setiap pekerja hendaklah memiliki **Permit Kerja (bagi pekerja yang datang dari luar Negara) dan dilindungi Insuran**.
16. Kerajaan berhak menegur, membantah dan mengarahkan kontraktor untuk menukar / membuang pekerja yang didapati berkelakuan tidak sopan atau pada pendapat Kerajaan tidak layak atau cuai dalam melaksanakan tugas kerja mereka. Setiap pekerja Kontraktor yang ditukar atau diberhentikan hendaklah diganti serta-merta dengan pekerja berkelakuan tertakluk kepada kebenaran Kerajaan.
17. Kontraktor hendaklah memastikan yang semua pekerja kontraktor sentiasa kemas dan berpakaian seragam. Pakaian seragam pekerja kontraktor hendaklah dibubuhkan dengan nama Syarikat pada pakaian tersebut.
18. Syarikat yang berjaya adalah bertanggungjawab untuk memastikan semua kerja-kerja yang dibuat hendaklah mengikut skop kerja yang telah diatitkan dan memuaskan kehendak pelanggan atau pengguna.
19. Syarikat yang dilantik hendaklah membuat penggantian segera keatas mana-mana kerosakan dan kecacatan harta benda Kerajaan akibat kecuaiannya semasa tempoh perlaksanaan kerja-kerja pemeliharaan sedang dilaksanakan.
20. **Peralatan-Peralatan, Kelengkapan dan Perkakas,**
 - a. Kontraktor hendaklah membekalkan semua peralatan yang diperlukan dan bersesuaian dengan kerja-kerja pemeliharaan yang efektif dan diluluskan oleh kerajaan.
21. **Elektrik Dan Air (Jika Perlu)**
 - a. Elektrik dan air yang diperlukan untuk kerja-kerja pembaikan disediakan secara percuma oleh Kerajaan. Kontraktor hendaklah berusaha untuk mengelakkan penyalahgunaan dan pembaziran keistimewaan ini dengan menjimatkan penggunaan elektrik dan air bagi keperluan-keperluan yang tertentu sahaja sepertimana dalam skopkerja sebutarga dengan memastikan semua peraturan-peraturan hendaklah dipatuhi oleh pekerja-pekerja berkenaan sepanjang tempoh pelaksanaan diberikan.

- b. Penyambungan ke soket elektrik (Electric Socket) hendaklah dibuat menurut peraturan-peraturan dan langkah-langkah keselamatan yang sedang berkuatkuasa. Apa-apa kerosakan ke atas pendawaian dan pemasangan-pemasangan elektrik pada bangunan ini akibat dari **kecuaian / kesalahan** pekerja kontraktor sewaktu dalam pelaksanaan akan dipertanggungjawabkan ke atas kontraktor berkenaan.
- c. Pemakaian air melalui penyambungan sementara oleh pihak kontraktor hendaklah memastikan peralatan yang digunakan seperti hos hendaklah dalam keadaan baik dan tidak bocor dan juga peralatan-peralatan yang lain.

22. Keselamatan

- a. Atas sebab-sebab keselamatan, kontraktor hendaklah mendaftar pekerja-pekerja pada setiap masa kepada Kerajaan seperti berikut:
 - i. Nama
 - ii. Alamat
 - iii. Nombor Kad Pengenalan
 - iv. Kerakyatan
 - v. Jantina dan Umur
- b. Atas Kepentingan keselamatan, Kerajaan berhak untuk mengarahkan pekerja kontraktor yang berkenaan untuk diberhentikan untuk melakukan kerja tersebut atas sebab-sebab tertentu sebagai tidak layak atau tidak sesuai untuk diambil bekerja di dalam atau luar bangunan atau kawasan bangunan.

- 23. **Pas Keselamatan** yang dikeluarkan oleh Kerajaan hendaklah dipakai oleh kontraktor pada setiap masa dan juga semasa bekerja di kawasan bertugas.
- 24. Kontraktor hendaklah bertanggungjawab untuk mengambil segala langkah-langkah keselamatan bagi menghindari bahaya terhadap pekerja-pekerja yang berkenaan, Kakitangan Kerajaan, Orang Awam dan Harta Benda yang berada di dalam dan luar bangunan Kerajaan.
- 25. Papan-papan tanda amaran dan alat-alat penghadang (pagar, papan tanda amaran dan sebagainya) hendaklah dipasang semasa melaksanakan kerja-kerja yang boleh mendatangkan bahaya kepada keselamatan kakitangan kerajaan yang bekerja dan juga orang awam yang berada di bangunan kerajaan. Papan-papan tanda amaran dan penghadang yang digunakan hendaklah pada ukuran yang bersesuaian bagi menarik perhatian orang ramai dan kakitangan kerajaan dan hendaklah mengandungi perkataan seperti **"Bahaya"**, **"Jangan Dekat"**, **"Awas!"**, **"Kerja Sedang Dilaksanakan"** dan sebagainya menurut kesesuaian untuk kerja-kerja yang sedang dilaksanakan.
- 26. Peraturan dan keperluan yang disebutkan diatas adalah dijaga dan dilindungi oleh Undang-Undang Negara Brunei Darussalam (Laws Of Brunei).